

# SKIM PEMBIAYAAN PERUMAHAN MUDA (SPPM) LPPSA

Membantu penjawat awam muda memiliki rumah kediaman impian dengan pembiayaan yang lebih fleksibel dan tempoh lebih panjang sehingga 40 tahun.



01

## APA KELEBIHAN UNTUK ANDA?

- Tempoh pembiayaan lebih panjang sehingga 40 tahun membantu **mengurangkan komitmen bulanan** berbanding tempoh 35 tahun.
- Ansuran bayaran bulanan lebih rendah membantu **meningkatkan kelayakan** pembiayaan perumahan LPPSA.
- Peningkatan kelayakan membantu penjawat awam untuk mempunyai **lebih banyak pilihan** jenis rumah dan lokasi yang bersesuaian.
- Membantu penjawat awam yang baru memulakan kerjaya agar dapat **memiliki rumah pertama** dengan lebih awal.

02

## SYARAT KELAYAKAN SEBAGAI PEMOHON

- Berumur **30 tahun dan ke bawah** ketika permohonan dihantar ke LPPSA
- Tempoh pembiayaan mengikut skim perkhidmatan berikut:



SKIM PENCEN

Sehingga tempoh pembiayaan 40 tahun (480 bulan) atau sehingga umur 90 tahun, yang mana terdahulu.



SKIM KWSP

Sehingga tempoh pembiayaan 40 tahun (480 bulan) atau sehingga umur persaraan, yang mana terdahulu.

03

## SYARAT PEMBIAYAAN



Pembiayaan pertama



Bagi pembiayaan Jenis 1, 2, 3, 5 (rumah) dan 6 sahaja



Tempoh ketersediaan skim sehingga 31 Disember 2026

(Tertakluk kepada pelanjutan LPPSA)



[www.lppsa.gov.my](http://www.lppsa.gov.my)



03-8880 2121



OfficialPageLPPSA



LPPSAOfficial



LPPSAOfficialChannel

